

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

Penarafan Malaysia Research Assessment (MyRA) 2014

UTHM berjaya mencapai peningkatan yang membanggakan apabila mendapat tiga bintang dalam penarafan Malaysia Research Assessment (MyRA) Tahun 2014. Kejayaan ini merupakan suatu pencapaian yang baik berbanding pencapaian satu bintang pada tahun 2011. Kejayaan ini adalah hasil komitmen tidak berbelah bagi warga Universiti khususnya Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) selaku Sekretariat MyRA 2014 yang bersama-sama berganding bahu dengan Pusat Tanggungjawab (PTJ) lain yang turut menyumbang kepada kejayaan pengumpulan data MyRA tahun 2014.



Sesi menandatangani (MoU) antara (UTHM) dengan ZFH Industries Sdn. Bhd.

Satu sesi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan pada 29 September 2015 antara pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Profesor Dr. Wahid Razzaly dan Ketua Pusat Pembuatan dan Bahan Termaju (AMMC) Profesor Madya Dr. Md Saidin Wahab bersama wakil ZFH Industries Sdn. Bhd. MoU ini menggalakkan kerjasama antara UTHM dan ZFH Industries Sdn. Bhd. melalui penyelidikan dan pembangunan khususnya dalam bidang kejuruteraan bahan, pembuatan dan teknologi pembinaan. Jangkamasa tempoh MoU tersebut adalah selama tiga tahun tertakluk kepada semakan serta pindaan dengan persetujuan kedua-dua pihak.



Penaziran Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS)

Sesi penaziran bagi Dana Pembudayaan Penyelidikan (Research Acculturation Grant Scheme, RAGS) telah berlangsung pada 02 Ogos 2015 di ORICC. Sesi penaziran oleh wakil KPT ini bertujuan untuk memperakukan keputusan penilaian yang telah dilaksanakan oleh panel penilai Universiti. Sebanyak empat belas (14) kertas cadangan telah disokong untuk dimajukan kepada pihak Kementerian. Wakil Kementerian yang dilantik ialah Profesor Emeritus Dr. Othman Lebar (UPS) dan Profesor Dr. Mohd. Aizani Maarof (UTM).



Penilaian Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) Fasa 2/2015

Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) merupakan dana yang diwujudkan bagi pembangunan prototaip untuk merapatkan jurang di antara penermuan makmal/penyelidikan sehingga sebelum pra-pengkomersilan. Ia melibatkan proses *proof of concept*, *evaluation*, *up-scaling*, *pre-clinical testing* dan *field testing*. Sesi pembentangan dan penilaian PRGS Fasa 2/2015 oleh panel penilai Universiti telah diadakan pada 07 September 2015. Sebanyak dua projek telah diperakukan dan dimajukan kepada pihak Kementerian.



Penilaian Permohonan Geran Kontrak Bil. 2/2015

Sesi penilaian permohonan geran kontrak telah diadakan pada 21 September 2015 bagi tujuan memberi peluang kepada para penyelidik dan pentadbir untuk membentangkan kertas cadangan projek penyelidikan. Pembentangan di hadapan panel penilai yang berjaya akan diperuntukan sejumlah dana penyelidikan kontrak. Ahli panel terdiri daripada Profesor Dr. Wahid Razzaly, Profesor Rosziati Ibrahim dan Dr. Shafie Mohamed Zabri. Sesi pembentangan kali ini melibatkan seramai lapan penyelidik dan adalah diharapkan agar peruntukan yang diagihkan memberi manfaat sepenuhnya kepada universiti.

